

'Elak runtuh institusi keluarga'

Kes saman menyaman anak, ibu bapa masih lagi terkawal: Shahrizat

Oleh Rohaniza Idris
dan Syuhada Choo Abdullah
bminggu@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan bimbang dengan kes ibu bapa menyaman anak atau disaman anak yang semakin banyak dilaporkan sejak kebelakangan ini terutama di kalangan masyarakat Melayu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata kes seumpama itu jika tidak dibendung akan menjadi kebiasaan serta gejala yang boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan di negara ini.

"Beberapa kes saman menyaman antara anak dan ibu

bapa ini adalah satu amaran kepada masyarakat. Satu ketika dulu, kita tidak pernah dengar ibu bapa menyaman anak atau disaman anak, jika kita tidak berjaga-jaga perkara ini akan menjadi lumrah. Inilah satu-satu (kes) kerajaan tidak mahu lihat berlaku.

"Saya sebagai menteri mengambil berat dan menjaga kebijakan warga emas tidak mahu perkara ini terus berlaku. Buat masa ini, kes saman menyaman ini bukan lagi satu budaya dan masih terkawal," katanya di Persidangan Perdana Asia Tenggara 2010 anjuran Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Shahrizat mengulas laporan muka depan Berita Ha-

rian mengenai kebimbangan pelbagai pihak terhadap kecenderungan ibu bapa menyaman anak atau disaman anak seolah-olah menggambarkan kerapuhan institusi kekeluargaan.

Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Zainul Rijal Abu Bakar dilaporkan berkata, lebih 10 kes saman membabitkan kedua-dua pihak dalam proses perbicaraan di mahkamah sivil dan syariah di seluruh negara dan dijangka meningkat pada masa depan. Kes berkenaan termasuk tuntutan saraan, nafkah serta pembahagian harta membabitkan pihak ibu bapa dan anak.

Shahrizat berkata, dalam kes saman menyaman mem-

babitkan ibu bapa dan anak, tiada pihak perlu dipersalahkan kecuali pihak terbabit.

"Kita tidak boleh menyalahkan ibu bapa saja, begitu juga anak-anak. Pada saya, semua ibu atau bapa dan anak-anak ada tugas dan tanggungjawab. Malaysia adalah negara yang semakin tua (jumlah orang tua bertambah), perlindungan sosial seperti sokongan keluarga sangat diperlukan. Kalau sokongan keluarga runtuh dan terhakis maka akan hancur institusi keluarga," katanya.

Ditanya kemungkinan pertambahan kes saman antara ibu bapa dan anak berlaku kerana meningkatnya kesedaran awam mengenai hak masing-masing dari segi per-

undangan negara, beliau mengakui perkara itu.

"Namun, kita kena ingat persekitaran masyarakat sudah berubah, tidak sama seperti dulu. Dulu ibu bapa, apa juga anak-anak buat mereka boleh terima, tetapi hari ini ibu bapa sudah mengetahui hak mereka dari segi undang-undang, begitu juga dengan anak-anak," katanya.

Sementara itu, Pengarah Institut Gerontologi (kajian mengenai masalah orang tua), UPM, Dr Tengku Aizan Hamid, berkata kes ibu bapa dan anak saman menyaman adalah isu sensitif, namun ia tidak boleh dijadikan kayu pengukur kepada keruntuhannya institusi keluarga di negara ini.



“Kes saman menyaman ini jika tidak dibendung akan menjadi kebiasaan serta gejala yang boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan”

Shahrizat Abdul Jalil
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat